

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**PLG 551 – Perkembangan Kognitif**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN**

Jawab **TIGA (3)** soalan. Jawab **SOALAN 1** yang **DIWAJIBKAN** dan **DUA (2)** soalan lain.

**Soalan WAJIB**

1. Bidang psikologi kognitif merupakan satu bidang yang membincangkan pengaruh pelbagai faktor dalam dan luaran ke atas perkembangan dan proses kognitif seseorang individu pelajar.

Bincangkan bagaimana pengetahuan tentang bidang psikologi kognitif dan komponen-komponennya dapat membantu guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

(40 markah)

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

2. Pilih **DUA (2)** daripada kemahiran di bawah dan huraikan aspek perkembangan kognitif yang berlaku didalamnya.

- a) Penggunaan Bahasa
- b) Menulis dan Membaca
- c) Penyelesaian masalah
- d) Pemikiran kreatif dan kritis

(30 markah)

3. Pilih **DUA (2)** daripada teori-teori berikut yang telah dibincangkan dalam kursus ini.

- i) Teori Kognitif Bandura
- ii) Teori Kognitif Piaget
- iii) Teori Pemprosesan Maklumat
- iv) Teori Konstruktivisme Vygotsky

- a) Huraikan proses-proses kognitif yang ditekankan oleh setiap teori yang anda pilih.
- b) Huraikan bagaimana teori ini boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah anda.

(30 markah)

4. Pada tahun 1983, Howard Gardner telah mengemukakan teori kepelbagaian kecerdasan.
- Bincangkan prinsip-prinsip asas teori kepelbagaian kecerdasan Howard Gardner.
  - Bincangkan bagaimana teori ini boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah anda
- (30 markah)
5. Proses perkembangan sel-sel otak merupakan proses yang berkait rapat dengan konsep perkembangan kognitif.
- Lakarkan satu sel otak dan huraikan proses penghantaran maklumat di dalam otak menggunakan lakaran tersebut
  - Terangkan **TIGA (3)** peringkat atau tahap proses perkembangan yang dilalui oleh setiap sel otak.
  - Bincangkan implikasi pengetahuan mengenai proses perkembangan otak kepada aspek :
    - penjagaan bayi (sebelum dan selepas kelahiran)
    - pendidikan.
- (30 markah)